

Ekonomi negara boleh terjejas
Utusan Online
November 09, 2011

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Jumlah penjawat awam yang kini berkhidmat dengan kerajaan tidak harus dipertikaikan kerana ia bersesuaian bagi memastikan kecekapan tadbir urus sektor tersebut.

Pensyarah Ekonomi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), **Prof. Amir Hussin Baharuddin** berkata, langkah meminimumkan jumlah sedia ada hanya akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Ia hanya akan menyebabkan urusan melibatkan orang awam dengan kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan cepat.

"Malah, kita akan berhadapan dengan ketidakcekan mengurus sektor awam yang secara tidak langsung memberi kesan dan menjejaskan ekonomi negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Amir Hussin, jika langkah itu diambil ia akan menyebabkan kerajaan tidak menepati peranannya dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

"Salah satu peranan kerajaan adalah sebagai majikan dan dengan mengecilkan jumlah kakitangan awam yang hanya membabitkan 1.2 juta daripada 11.4 juta orang yang bekerja di negara ini, ia bukan langkah terbaik kerana akan meningkatkan kadar pengangguran," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Mohamad Noorizuddin Nooh** berpendapat langkah mengurangkan bilangan penjawat awam bukanlah sesuatu yang bijak.

"Penjawat awam merupakan satu komponen terbesar dalam sektor ekonomi dan merupakan antara pengguna yang memiliki kuasa beli terbesar.

"Oleh itu, mengurangkan jumlah kakitangan awam secara tidak langsung akan menyebabkan kuasa membeli menurun dan memberi impak kepada ekonomi negara," katanya.

Presiden Dewan Ekonomi dan Sosial Muslim Malaysia (Desmma), **Mohd. Fazil Abdullah** berkata, pengurangan kakitangan akan menyebabkan kadar pengangguran meningkat dan tidak mustahil kes-kes jenayah juga bertambah.

"Sekiranya kadar jenayah meningkat, dibimbangi sektor pelancongan akan menerima kesan apabila pelancong bimbang datang ke Malaysia dan ini boleh menjejaskan ekonomi negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm